

PENYAKIT LAZIM LEMBU DAN KAMBING: PENYAKIT – PENYAKIT LAZIM SELEPAS MELAHIRKAN

KETOSIS

(Ketosis pada lembu, *pregnancy toxaemia* pada kambing dan bebiri)

Definisi

Sejenis penyakit metabolik pada ternakan selepas melahirkan dan semasa menyusukan anak.

Epidemiologi

Ternakan yang tinggi penghasilan susu dan gemuk lebih terdedah kepada penyakit ini. Selain itu, faktor penurunan kualiti dan kuantiti makanan secara mendadak, masalah metabolisme tidak normal dan juga beban cacing yang berat juga menyumbang kepada terjadinya penyakit ini. Ketosis lazimnya berlaku pada laktasi ketiga (melahirkan dan menyusukan kali ketiga). Sesetengah kes pada lembu tenusu akan menunjukkan tanda – tandanya pada minggu kelapan selepas melahirkan.

Tanda – tanda klinikal/ Simptom – simptom

Lembu

- Mengasingkan diri
- *Hypersalivation* /mulut berbuih
- *Chomping of jaw* (melagakan rahang atas dan bawah)
- Jalan berpusing seperti tiada arah tujuan
- Kepala terteleng atau terdongak atau leher kejang
- Dalam keadaan sedar tetapi tidak mahu bangun atau bergerak
- *Hyperaesthesia* (terlalu sensitif terhadap sentuhan atau bunyi)
- *Rumen stasis* (hilang pergerakan rumen)
- Terbaring
- Lemah
- Bau nafas seperti bau keton/ bau manis alkohol

Kambing dan Bebiri

- Berlaku pada 4 – 6 minggu sebelum melahirkan
- Selalunya disebabkan oleh fetus terlalu besar atau kembar
- Kepala terteleng atau terdongak atau leher kejang
- Terbaring

- Lumpuh
- Kekejangan anggota badan
- Boleh sembuh seketika tetapi apabila fetus mati di dalam kandungan, toksin dari pereputan fetus menyebabkan jatuh sakit semula

Rawatan

- *Intravenous drip* iaitu menggunakan *50% glucose solution*
 - beri 500 ml kepada lembu
 - 200 ml kepada kambing atau bebiri
- *Propylene glycol* 100 mg secara oral dua kali sehari

Ubatan lain?

Dexamethasone untuk mengurangkan pengeluaran susu dan mengurangkan pengambilan glukos oleh tisu.

Jika ibu bunting dan anak masih hidup: selamatkan anak (*Caesarean section surgery*)

Lain – lain rawatan sokongan?

Beri vitamin B12, vitamin A dan coenzyme A

Kebarangkalian sembuh

Tinggi jika dirawat awal.

Langkah kawalan

- Elakkan ibu pembiak terlalu gemuk
- Pengurusan pemakanan yang betul
- Pemberian vitamin mengikut keadaan.

HYPOCALCEMIA (MILK FEVER/ PARTURIENT PARESIS)

Definisi

Kekurangan kalsium dalam badan disebabkan oleh penggunaan kalsium lebih banyak dari kalsium yang diserap atau penyerapan kalsium oleh badan amat perlahan.

ATAU

Diet kalsium terlalu tinggi yang berpanjangan semasa kebuntingan, menyebabkan penyerapan kalsium pada tulang terganggu/terhenti kerana badan telah "terbiasa" mendapat bekalan kalsium dari luar badan.

Epidemiologi

- Penurunan kualiti/kuantiti makanan secara mendadak
- Kelahiran dan penyusuan anak menyebabkan kalsium hilang dalam bentuk susu yang dikeluarkan
- Berlaku pada laktasi ketiga

Tanda – tanda klinikal

- Selepas melahirkan
- Tulang rapuh , mudah patah
- Tempang
- Lumpuh
- **Milk fever**

Peringkat 1

Kekejangan otot

Anggota kaki menjadi kaku

Kunyah gigi/ kancing gigi

Peringkat 2

Terbaring atas dada(*sternal recumbency*)/ lemah/ tidak boleh berdiri

Sedar tetapi tiada respons

Mata tidak berkelip

Mata hitam membesar

Suhu tinggi

Peringkat 3

Terbaring mengiring

Rumen stasis

Kembung

Sukar bernafas

Mati

Rawatan

- *Iv drip* – larutan kalsium (beri secara perlahan kerana titisan *iv drip* yang terlalu laju mengakibatkan kegagalan jantung.)
- Suntikan atropine untuk menghentikan kekejangan
- Supplement kalsium secara oral – *calcium oral gel, calcium boroglucanate* .
- Rawatan sokongan : asingkan ternakan pada tempat yang lebih selesa , beri multivitamin.

Langkah kawalan

- Jangan beri diet kalsium terlalu tinggi dalam tempoh 30 hari sebelum beranak.
 - Amalkan pengurusan pemakanan yang betul.
-

DOWNER COW SYNDROME

Definisi

Komplikasi akibat *hypocalcemia*/ Lanjutan dari *hypocalcemia* yang tidak dirawat

Epidemiologi

Berlaku pada lembu yang menghasilkan susu yang banyak.
Berlaku dalam masa 3 hari selepas lembu beranak.

Punca – punca:

- Kecederaan mekanikal/trauma (*accident/jatuh*) yang menyebabkan kerosakan saraf atau tulang.
- Ligamen sendi pinggul rosak selepas meneran melahirkan anak
- Sendi pinggul teralih (*dislocation*).
- Vaginitis / metritis
- Uterus pecah semasa melahirkan.
- Lumpuh akibat distokia (sukar beranak – saraf rosak kerana ibu lembu meneran tetapi anak susah/ lambat keluar)
- Otot dan tendon cedera teruk.

Tanda – tanda klinikal:

- Lembu dalam keadaan sedar (*alert*) , ada selera makan , berak kencing normal tetapi tidak boleh bangun
- Suhu badan normal
- *Frogleg attitude* (keempat – empat kaki terjulur , bila cuba berjalan kelihatan seperti merangkak kerana tidak boleh berdiri dengan betul)
- Ada yang terbaring mengiring (*lateral recumbency*)

*Kes yang teruk/ tidak dirawat akan menyebabkan :

organ dalaman seperti peparu akan tertekan oleh organ yang besar seperti rumen → sukar bernafas, lama – kelamaan akan hilang selera makan, ternakan mati akibat kerosakan organ dan tidak cukup nutrien badan

Rawatan:

- Rawat punca utama (*hypocalcemia*)
- Bekalkan alas (*bedding*) yang lembut dan selesa eg: jerami/ habuk kayu
- Fisioterapi untuk elakkan kecederaan otot dan saraf – tukar posisi mengiring kiri ke kanan selepas 3-4 jam, urutan pada otot – otot kaki

- Tender loving care (TLC) : bawa makanan dan minuman dekat kepada ternakan supaya ia senang makan dan minum.
-

MATERNAL OBSTETRICAL PARALYSIS (MOP)

Definisi

Kecederaan trauma pada kedua – dua kaki belakang lembu disebabkan tempoh untuk melahirkan yang terlalu lama (kesukaran beranak), disebabkan oleh kerosakan saraf kaki

Epidemiologi

Selalu berlaku kepada

- ❖ lembu yang baru pertama kali melahirkan anak
- ❖ anak lembu dalam kandungan terlalu besar

Tanda – tanda klinikal

- Dalam keadaan sedar, ada respons , boleh makan dan minum seperti biasa
- Cuba bangun tetapi tidak boleh bangun
- Jika berjaya berdiri , kaki belakang dalam keadaan *splits* (terkangkang)
- Komplikasi lain boleh mengakibatkan patah tulang pinggul apabila lembu selalu cuba untuk bangun berdiri.

Rawatan:

- Sukar dirawat bila ternakan tidak dapat bangun berdiri lebih dari 3 hari
- Boleh cuba beri multivitamin dan *Bcomplex* (untuk merangsang pertumbuhan saraf baru)
- *Tender loving care*

Sumbangan:

catlina7@yahoo.com

Untuk:

www.dodon.org

Jun 2008